

PENERAPAN NILAI MELALUI KURIKULUM TERSEMBUNYI DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH RENDAH DI DAERAH JOHOR BAHRU.

Khasnor binti Kamdi, Sanitah Mohd. Yusof, Ph.D
Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

ABSTRAK

Kurikulum tersembunyi juga dikenali sebagai kurikulum tidak rasmi; kurikulum tidak formal; kurikulum tersirat atau dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *hidden curriculum* atau *unwritten curriculum*. Proses penerapan nilai merupakan suatu proses identifikasi dan sosialisasi yang dilakukan oleh agensi tertentu sehingga seseorang itu secara langsung dan tidak langsung telah menerima atau mengambil standard nilai yang diamalkan oleh orang perseorangan dan kumpulan ahli masyarakat untuk dijadikan satu sistem nilainya sendiri. Kajian ini dilaksanakan untuk meninjau konsep kurikulum tersembunyi dan menentukan apakah strategi dan masalah penerapan nilai melalui kurikulum tersembunyi dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di daerah Johor Bahru. Kajian ini adalah kajian kuantitatif. Kajian ini melibatkan 404 orang responden. Data yang diperolehi dianalisis secara kuantitatif menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS 20.0) yang melibatkan penggunaan statistik deskriptif dalam bentuk skor min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan. Hasil kajian mendapati konsep kurikulum tersembunyi dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di daerah Johor Bahru berada pada tahap tinggi (min = 3.89, sp = 0.40). Strategi penerapan nilai melalui kurikulum tersembunyi yang berada pada tahap tertinggi ialah strategi secara isyarat. Manakala masalah penerapan nilai melalui kurikulum tersembunyi yang tertinggi ialah masalah kurang pengetahuan.

PENGENALAN

Kurikulum pada dasarnya adalah satu perancangan dan panduan yang digunakan oleh guru-guru untuk menjalankan tugas rasmi mereka di sekolah iaitu untuk mendidik murid-murid. Terdapat lima jenis atau lima bentuk kurikulum yang berbeza pelaksanaannya di sekolah iaitu kurikulum formal, kurikulum pengajaran, kurikulum operasional, kurikulum pengalaman dan kurikulum tersembunyi. Kurikulum tersembunyi juga dikenali sebagai kurikulum tidak rasmi; kurikulum tidak formal; kurikulum tersirat atau dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *hidden curriculum* atau *unwritten curriculum* sering tidak dititikberatkan oleh guru-guru kerana mereka lebih menekankan dan memandang serius kepada kurikulum rasmi

atau kurikulum formal. Tetapi sebenarnya kurikulum tersembunyi ini dapat mempengaruhi dan memberi kesan yang besar terhadap murid-murid.

Sejauh manakah pengetahuan guru-guru tentang konsep kurikulum tersembunyi? Apa sahaja perkara yang dipelajari dan diperolehi oleh murid-murid secara tersirat dan bukan terkandung dalam sukatan pelajaran tetapi melalui pengalaman mereka semasa berada di sekolah dan di dalam bilik darjah adalah kurikulum tersembunyi. Penyelidikan ini mengupas tentang konsep kurikulum tersembunyi dan pelaksanaan kurikulum tersembunyi dari segi strategi dan masalah dalam proses penerapan nilai dalam kalangan guru-guru sekolah rendah terhadap murid-murid.

OBJEKTIF

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk :

- 1) Meninjau apakah konsep kurikulum tersembunyi dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di daerah Johor Bahru.
- 2) Menentukan strategi pelaksanaan penerapan nilai melalui kurikulum tersembunyi dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di daerah Johor Bahru ke atas murid- murid.
- 3) Menentukan masalah pelaksanaan penerapan nilai melalui kurikulum tersembunyi dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di daerah Johor Bahru ke atas murid- murid.

LATAR BELAKANG MASALAH

Kurikulum tersembunyi tidak boleh dikembangkan tanpa perkembangan kurikulum formal (Kohlberg, 1973). Kewujudan kurikulum tersembunyi ini perlu diberi perhatian dan diambil berat sama seperti kurikulum formal. Menurut Ishak Ramly (2005) dalam bukunya yang bertajuk *Inilah Kurikulum Sekolah*, kurikulum

tersembunyi bertindak sebagai alat pembentukan akhlak dan pekerti peribadi. Ia meliputi pemupukan nilai-nilai manusia yang mulia dan terpuji.

Dalam setiap pendidikan nilai, apa yang diharapkan semestinya terbit kesedaran dalam diri murid-murid melaksanakan nilai-nilai positif dan menghindarkan nilai-nilai negatif. Di sekolah, nilai-nilai murni diajar dan diterapkan melalui matapelajaran yang diajar iaitu secara kurikulum rasmi. Pengkaji merasakan kajian mengenai penerapan nilai melalui kurikulum tersembunyi pula perlu dilakukan bagi mempertingkatkan proses penerapan nilai yang sedia ada dilaksanakan secara kurikulum rasmi.

Proses penerapan nilai penting dalam membantu membendung masalah sosial dan masalah disiplin yang semakin berleluasa kini. Hasil kajian oleh Ali Suradin & Eni Eryanti (2005) dalam kajian mereka yang bertajuk *Penghayatan Nilai-nilai Murni Ke Arah Pembentukan Disiplin Pelajar* mendapati tahap penghayatan nilai-nilai murni dalam diri murid adalah berada pada tahap tinggi.

Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2003 mengenalpasti seramai 76 300 pelajar atau 1.09% daripada tujuh juta pelajar di negara ini terbabit dengan masalah disiplin. Manakala dalam akhbar Utusan Malaysia 1 Oktober 2009, Timbalan Menteri Pelajaran Datuk Dr. Wee Ka Siong menyatakan kadar salah laku disiplin murid sekolah rendah termasuk penyalahgunaan dadah mencatat peningkatan dalam tempoh enam bulan pertama daripada 0.78% kepada 0.79% daripada 3.2 juta murid sekolah rendah di Malaysia. Menurut Greer dan Ryan (1989), kegagalan pendidikan nilai akan menyebabkan pelajar gagal membentuk perlakuan yang seimbang dari segi kognitif dan nilai dalam kehidupannya. Ini kerana pendidikan nilai sangat rapat hubungannya dengan perkembangan kognitif (Rest, 1980; Kay, 1979). Apabila keadaan ini terjadi maka terhasillah murid yang pandai dari segi kognitif tetapi tidak terasuh dari segi akhlak.

Dalam buku tulisan Tajul Ariffin dan Nor'aini (1992) yang bertajuk *Pendidikan dan Wawasan 2020*, menurut Pengarah Pusat Perkembangan Kurikulum, penerapan nilai-nilai murni boleh disepadukan dalam matapelajaran secara pertuturan (pengucapan), perlakuan, teladan, isyarat, kefahaman dan interpretasi.

Kohlberg (1970) pula menyatakan kurikulum tersembunyi adalah perkara yang berhubung dengan pendidikan moral dan peranan guru memudahkan standard moral. Guru dilihat berperanan penting dalam penerapan dan penghayatan nilai-nilai moral agar semua murid sekolah dapat mencapai standard moral pada suatu tahap tertentu. Di sini pengkaji dapat melihat perkaitan antara penerapan nilai dan pembangunan moral melalui pelaksanaan kurikulum tersembunyi oleh guru-guru di sekolah dapat membentuk murid-murid yang positif dan seimbang dalam semua aspek.

SOROTAN PENULISAN

Menurut Shaver & Strong (1982) dan Mc Kinney (1986), nilai ialah kepercayaan terpilih yang dianggap sesuai dengan perlakuan yang digunakan oleh individu sebagai anutan dalam kehidupannya. Definisi ini selari dengan pendapat Bohm (1981) dan Katz (1981) yang mendefinisikan nilai sebagai satu set keutamaan yang memberi panduan dalam kehidupan yang melibatkan hubungan intelektual, fizikal, emosi dan sosial seseorang individu. Proses penerapan nilai merupakan suatu proses identifikasi dan sosialisasi yang dilakukan oleh agensi tertentu sehingga seseorang itu secara langsung dan tidak langsung telah menerima atau mengambil standard nilai yang diamalkan oleh orang perseorangan dan kumpulan ahli masyarakat untuk dijadikan satu sistem nilainya sendiri (Superka *et. al.*, 1976). Dalam buku tulisan Tajul Ariffin dan Nor'aini Dan (1992) yang bertajuk *Pendidikan dan Wawasan 2020*, menurut Pengarah Pusat Perkembangan Kurikulum, penerapan nilai-nilai murni boleh disepadukan dalam matapelajaran secara pertuturan (pengucapan), perlakuan, teladan, isyarat, kefahaman, interpretasi dan kontekstual.

Kurikulum tersembunyi atau *unwritten curriculum* merupakan pengalaman pembelajaran yang dipelajari secara tidak langsung oleh murid-murid dan kesannya adalah di luar kawalan guru. Kurikulum tersembunyi juga kadang kala disebut sebagai kurikulum terlindung, kurikulum tersirat, atau kurikulum tersisip. Kurikulum tersembunyi boleh membawa kepada kesan positif ataupun kesan negatif terhadap murid-murid. Kurikulum tersembunyi apabila tidak diawasi dan dikawal selia dengan baik membawa implikasi negatif kepada sekolah, budaya sekolah serta iklim

pengajaran dan pembelajaran. Kurikulum tersembunyi ini juga kadangkala dikenali sebagai kurikulum tidak rasmi yang merangkumi perilaku kelakuan yang perlu dipatuhi, corak hubungan perseorangan, kepatuhan kepada kuasa dan pengaruh, persaingan, sumber motivasi dan sebagainya yang dipelajari murid di sekolah.

Jadual 1 : Perbandingan definisi kurikulum tersembunyi

Penulis / Pengkaji	Definisi
Henry Giroux (1983)	Kurikulum tersembunyi adalah norma-norma, nilai-nilai dan kepercayaan-kepercayaan yang tidak dinyatakan secara bertulis tetapi tertanam dan ia disampaikan secara tidak langsung atau tidak sengaja
Michael Apple (1982)	Kurikulum tersembunyi melibatkan pelbagai minat murid, budaya, usaha, perjanjian dan kompromi
Chafel (1977)	Kurikulum tersembunyi ialah norma-norma, nilai dan kepercayaan yang tidak dinyatakan dalam kurikulum tetapi diajar secara tidak langsung di dalam bilik darjah.
John D. Mc Neil (1995)	Kurikulum tersembunyi merujuk kepada pengaruh dalam pengajaran yang tidak rasmi di mana ia boleh menyokong atau melemahkan proses untuk mencapai sesuatu matlamat. Kurikulum tersembunyi juga boleh menjadi alat penghubung kepada pembangunan moral seseorang individu.
Elizabeth Vallence (1973)	Kurikulum tersembunyi adalah “unstudied curriculum”, “covert” atau “latent” curriculum, “non-academic outcomes of schooling” , “by-products of schooling” atau maksud yang lebih mudah “what school does to people”.
Mok Soon Sang (2002)	Pengalaman yang dipelajari secara tidak formal seperti penerapan nilai-nilai melalui peniruan tingkah laku guru, dan penyerapan nilai-nilai murni dalam mata pelajaran, peraturan sekolah, aktiviti bahasa dan budaya sekolah.

Jadual 1 di atas menunjukkan perbandingan mengenai konsep dan definisi kurikulum tersembunyi. Kurikulum yang tersembunyi berlangsung sama ada semasa pelaksanaan kurikulum, kurikulum tambahan atau kokurikulum selain daripada ia boleh dilaksanakan juga secara terancang dan sistematik (Ahmad Esa, 2005). Namun begitu, proses pelaksanaannya kerap tidak disedari oleh para pendidik dan para pelajar kerana kehadirannya adalah dalam bentuk penerapan, pengintegrasian, asimilasi, akulturasi dan akomodasi (Ahmad Esa, 2005).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan di 12 buah sekolah rendah di daerah Johor Bahru. 12 buah sekolah rendah yang terlibat dipilih mengikut zon di dalam daerah Johor Bahru. Terdapat empat zon di daerah Johor Bahru dan setiap zon sebanyak tiga buah sekolah rendah dipilih untuk menjadi responden. Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini ialah 404 orang guru.

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif. Instrumen soal selidik telah dibina sendiri oleh pengkaji dan diedarkan kepada 404 responden dari sekolah-sekolah terbabit. Item-item yang terdapat dalam soal selidik terdiri daripada item yang berkaitan dengan faktor demografi iaitu jantina, umur, jawatan, taraf pendidikan, pengalaman mengajar dan mata pelajaran yang diajar. Soal selidik ini juga mengandungi soalan-soalan berkaitan konsep kurikulum tersembunyi sebanyak 15 item dan strategi penerapan nilai melalui kurikulum tersembunyi sebanyak 30 item. Item-item ini diukur dengan menggunakan skala Likert.

DAPATAN KAJIAN

Bagi persoalan kajian yang pertama, analisis frekuensi menunjukkan bahawa isu konsep kurikulum tersembunyi dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di daerah Johor Bahru adalah pada tahap tinggi. Didapati bahawa pada keseluruhannya nilai min adalah 3.89 dengan sisihan piawai adalah 0.40.

Jadual 2 menunjukkan tahap bagi faktor strategi pelaksanaan penerapan nilai melalui kurikulum tersembunyi dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di daerah Johor Bahru ke atas murid-murid. Strategi pelaksanaan penerapan nilai melalui kurikulum tersembunyi yang mempunyai nilai min yang tertinggi adalah strategi isyarat iaitu mempunyai nilai min sebanyak 4.48, kedua tertinggi adalah strategi pertuturan mempunyai nilai min sebanyak 4.43, seterusnya strategi perlakuan mempunyai nilai min sebanyak 4.41, manakala strategi teladan mempunyai nilai min sebanyak 4.32, strategi interpretasi mempunyai min sebanyak 4.21 dan strategi penerapan nilai terendah adalah strategi kefahaman mempunyai nilai min sebanyak 4.17.

Jadual 2 : Strategi Pelaksanaan Penerapan Nilai Melalui Kurikulum Tersembunyi

No	Strategi	Min	Tahap
1	Kefahaman	4.17	Tinggi
2	Perlakuan	4.41	Tinggi
3	Pertuturan	4.43	Tinggi
4	Teladan	4.32	Tinggi
5	Isyarat	4.48	Tinggi
6	Interpretasi	4.21	Tinggi

Jadual 3 menunjukkan tahap bagi faktor masalah pelaksanaan penerapan nilai melalui kurikulum tersembunyi. Masalah penerapan nilai yang mempunyai nilai min yang tertinggi adalah masalah kurang pengetahuan dengan nilai min sebanyak 4.11, kedua tertinggi adalah masalah kekangan masa dengan nilai min sebanyak 3.91, ketiga tertinggi adalah masalah persekitaran sekolah dengan nilai min sebanyak 3.11, seterusnya masalah beban tugas dengan nilai min sebanyak 2.98 , manakala masalah tekanan mempunyai nilai min sebanyak 2.88 dan masalah penerapan nilai terendah adalah masalah strategi penerapan nilai dengan nilai min sebanyak 2.50.

Jadual 3 : Masalah Penerapan Nilai Melalui Kurikulum Tersembunyi

No	Masalah	Min	Tahap
1	Kekangan masa	3.91	Tinggi
2	Persekitaran Sekolah	3.11	Sederhana
3	Strategi Penerapan Nilai	2.50	Sederhana
4	Beban Tugas	2.98	Sederhana
5	Tekanan	2.88	Sederhana
6	Kurang Pengetahuan	4.11	Tinggi

RUMUSAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui penerapan nilai melalui kurikulum tersembunyi dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di daerah Johor Bahru. Kajian ini adalah kajian berbentuk kuantitatif. Data diperolehi daripada responden yang menjawab kertas soal selidik. Responden-responden adalah dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di daerah Johor Bahru. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 404 orang guru iaitu 60 orang guru lelaki dan 344 orang guru perempuan.

Kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu meninjau apakah konsep kurikulum tersembunyi, menentukan apakah strategi penerapan nilai melalui kurikulum tersembunyi dan menentukan apakah masalah penerapan nilai melalui kurikulum tersembunyi. Hasil kajian menunjukkan konsep kurikulum tersembunyi dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di daerah Johor Bahru berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan dalam kalangan responden sudah mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang agak tinggi mengenai konsep kurikulum tersembunyi. Konsep

kurikulum tersembunyi yang dikaji adalah meliputi definisi, ciri-ciri, kepentingan, kandungan serta kesan kurikulum tersembunyi.

Kajian ini menunjukkan kesemua enam strategi penerapan nilai melalui kurikulum tersembunyi adalah berada pada tahap tinggi. Keenam-enam strategi penerapan nilai tersebut adalah secara kefahaman, secara perlakuan, secara pertuturan, secara teladan, secara isyarat dan secara interpretasi. Strategi penerapan nilai melalui kurikulum tersembunyi yang paling tinggi ialah strategi secara isyarat, diikuti dengan strategi secara pertuturan, strategi secara perlakuan, strategi secara teladan, strategi secara interpretasi dan strategi secara kefahaman. Ini menunjukkan proses penerapan nilai melalui kurikulum tersembunyi yang dilaksanakan oleh guru-guru sekolah rendah di daerah Johor Bahru adalah tinggi walaupun menggunakan strategi-strategi yang berbeza. Nilai-nilai murni sentiasa diterapkan kepada murid-murid menggunakan strategi-strategi yang berbeza.

Kajian ini juga mendapati terdapat dua masalah utama dalam penerapan nilai melalui kurikulum tersembunyi iaitu masalah kurang pengetahuan dan masalah kekangan masa. Kedua-dua masalah ini berada pada tahap tinggi. Manakala terdapat empat masalah yang berada pada tahap sederhana iaitu masalah persekitaran sekolah, masalah beban tugas, masalah tekanan dan masalah strategi penerapan nilai.